

03 SEP 2002

MAHATHIR-CUKAI

LHDN DISARAN BERI PERHATIAN KEPADA ISU CUKAI ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memberi lebih perhatian kepada permasalahan isu-isu cukai antarabangsa seperti penentuan harga pindahan (transfer pricing) dan perdagangan elektronik.

Ini bagi memastikan negara tidak mengalami kerugian daripada aspek percukaian, katanya ketika merasmikan Persidangan Cukai Nasional Kedua anjuran LHDN di sini.

Beliau menjelaskan bahawa ada pihak yang memindahkan keuntungan mereka ke tempat lain yang mempunyai kadar cukai yang lebih rendah. Dengan itu, ia mengurangkan keuntungan negara.

Sementara itu, perdana menteri juga berkata bagi tahun 2001, 18 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia merupakan pembayar cukai yang berdaftar.

Bagi tahun 2001 juga, cukai langsung yang dipungut oleh LHDN berjumlah RM41.79 billion, iaitu peningkatan sebanyak 43.29 peratus berbanding tahun 2000.

Menurut beliau, penyumbang utama terhadap jumlah ini adalah kumpulan syarikat yang menyumbang 51.64 peratus, manakala cukai yang dipungut daripada orang perseorangan hanyalah 20.09 peratus.

Dr Mahathir berkata usaha-usaha berterusan juga diambil untuk meningkatkan pematuhan cukai. Sistem Taksir Sendiri (STS) yang diperkenalkan kerajaan adalah ke arah pematuhan cukai secara sukarela, tambahnya.

"Dengan perlaksanaan STS, LHDN akan mengambil beberapa langkah positif dan inisiatif bagi membesarkan asas cukai," katanya.

Antara langkah yang dipergiatkan oleh LHDN ialah penguatkuasaan melalui aktiviti banci bisnes, audit dan penyiasatan.

Dr Mahathir berkata dengan perlaksanaan aktiviti tersebut, bilangan pembayar cukai akan bertambah, dan seterusnya pungutan cukai oleh LHDN akan bertambah. -- BERNAMA

WNZ JR